

## UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN AGUNG PARTI BUMIPUTRA SARAWAK DI KUCHING PADA 13HB JULAI, 1974

Y.B. Tan Sri Datuk Amar Jugah<sup>1</sup>, Y.A.B. Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub<sup>2</sup>, Datuk Amar Haji Taib Mahmud<sup>3</sup>, Ahli-ahli Yang Berhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya dapat bersama-sama dengan saudara-saudara sekalian pada Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputra Bersatu yang berlangsung hari ini. Lebih-lebih lagi saya merasa amat terharu dengan sambutan yang diberikan kepada saya sewaktu ketibaan dari Kuala Lumpur pagi tadi, di samping mendapat penghormatan untuk berucap dan seterusnya merasmikan Persidangan yang maha penting ini.

Dua minggu yang lalu, Parti saya iaitu UMNO telah mengadakan Perhimpunan Agungnya yang ke dua puluh lima dan saya sukacita menyatakan penghargaan seluruh anggota kami atas kehadiran Wakil-wakil dari Parti-parti seperjuangan termasuklah wakil Parti Bumiputra iaitu Y.B. Dr Sulaiman.

Saudara-saudara sekalian.

Inilah kali pertama saya hadir bersama-sama dengan saudara-saudara sekalian iaitu Parti yang menggabungkan rakyat dua kaum terbesar di Sarawak ini yang berjumlah tidak kurang dari 600,000 orang. Boleh dikatakan hari ini Parti Pesaka Bumiputra Bersatu adalah tulang belakang Kerajaan Negeri ini. Dengan demikian, saya merasa peristiwa hari ini amat penting dalam sejarah perkembangan politik tanahair kita dan membuktikan kematangan parti-parti politik Sarawak setelah menempuh berbagai macam pengalaman selama beberapa tahun ini.

Saya suka mengambil peluang ini menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri Datuk Amar Jugah dan Datuk Haji Abdul Rahman atas rasa persefahaman dan pengertian yang begitu mendalam hingga dapat mengatasi segala masalah yang dihadapi selama ini dan terus menyatukan kedua-dua Parti Pesaka dan Bumiputra ini dalam satu organisasi sahaja. Ini tidak syak

<sup>1</sup> Presiden Parti Pesaka, Sarawak.

<sup>2</sup> Presiden Parti Bumiputra, Sarawak.

<sup>3</sup> Timbalan Presiden Parti Bumiputra, Sarawak.

lagi dapat dilakukan oleh kerana adanya semangat pengorbanan dan rasa tanggungjawab atas kepentingan masa depan rakyat Sarawak khasnya orang-orang Bumiputra iaitu orang-orang Iban, Kelabit, Bidayuh, Kanyan, Kenyah, Melanau dan orang Melayu sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Negara kita hari ini menghadapi cabaran yang besar iaitu cita-cita dan keazaman kita hendak memberikan rakyat kita taraf hidup serta keadaan hidup yang lebih sempurna. Dalam hal ini, semenjak kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, banyak yang telah tercapai; bagaimanapun matalamat yang kita tuju itu masih jauh di hadapan. Rancangan-rancangan pembangunan di Sarawak ini khasnya telahpun disusun dengan baik dan teliti yang mana sedang dilaksanakan dengan sebaik-baiknya di bawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Haji Abdul Rahman Yaakub.

Sarawak sungguh bertuah mendapat pemimpin yang aktif dan dinamis seperti Ketua Menteri kita dan kita semua tahu iaitu rancangan-rancangan pembangunan untuk Sarawak ini akan mengubah wajah negeri ini serta membawa kemakmuran dan kebahagiaan kepada rakyat dalam tempoh dua puluh tahun akan datang. Akan tetapi, jentera pembangunan tidak dapat berjalan dengan lancar selagi masalah besar iaitu masalah keselamatan tidak diselesaikan dengan segera. Inilah perkara yang paling utama kita harus perhatikan oleh kerana selagi ada pengganas-pengganas dan anasir-anasir anti-nasional di tengah-tengah masyarakat kita, cita-cita negara aman damai dan bahagia tidak dapat dipenuhi. Saya percaya seluruh ahli-ahli Parti di sini memahami hakikat ini benar-benar dan saya berharap Perhimpunan hari ini akan meneguhkan azam menghapuskan segala bencana yang mengancam keselamatan kita itu.

Sesungguhnya kita beruntung sejak adanya Kerajaan Campuran Sarawak berikutan Pilihanraya 1970 dulu, rakyat semakin bertambah rapat ke arah perpaduan dan bersama-sama menyokong usaha Kerajaan menentang pengganas-pengganas dan anasir subversif itu. Berkat pimpinan Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Stephen Yong, telah terdapat kemajuan dan kejayaan yang besar dalam bidang keselamatan iaitu Operasi Sri Aman. Kebijaksanaan Ketua Menteri telah berhasil mengamankan ramai anasir-anasir anti-nasional dan membawa mereka kembali ke pangkuan masyarakat. Langkah ini nyata membuktikan betapa

tinggi timbang rasa dan hasrat Kerajaan hendak menyelamatkan mereka yang telah salah jalan, membawa mereka ke jalan yang benar dan seterusnya memulihkan keamanan dan ketenteraman. Kerajaan bersedia memberikan peluang kepada mereka yang ingin menjadi rakyat yang baik dan berguna asal saja mereka sanggup menghentikan perjuangan yang sia-sia dan perbuatan ganas mereka itu. Sebaliknya kalau mereka enggan dan terus berdegil kita tidak akan berganjak setapak pun dan akan menjalankan tindakan tegas supaya anasir-anasir jahat itu dihapuskan dari bumi negeri ini.

Berhubung dengan soal keselamatan ini juga, saya suka mengaitkan dengan lawatan saya ke Peking tidak lama dulu untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina. Saya harap rakyat sekalian akan benar-benar meneliti munafaat yang kita perolehi dari perhubungan diplomatik itu. Selain dari kepentingan politik dan ekonomi, perhubungan kita dengan RRC itu juga membantu menyokong usaha Kerajaan menentang pengganas-pengganas dan anasir subvesif itu. Berkat pimpinan Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Stephen Yong, telah terdapat kemajuan dan kejayaan yang besar dalam bidang keselamatan iaitu Operasi Sri Aman. Kebijaksanaan Ketua Menteri telah berhasil mengamankan ramai anasir-anasir anti-nasional dan membawa mereka kembali ke pangkuan masyarakat. Langkah ini nyata membuktikan betapa tinggi timbang rasa dan hasrat Kerajaan hendak menyelamatkan mereka yang telah salah jalan, membawa mereka ke jalan yang benar dan seterusnya memulihkan keamanan dan ketenteraman. Kerajaan bersedia memberikan peluang kepada mereka yang ingin menjadi rakyat yang baik dan berguna asal saja mereka sanggup menyelesaikan masalah dalam negeri—soal keselamatan dan kerakyatan orang-orang keturunan Cina.

Dalam perbincangan saya dengan Chairman Mao dan Perdana Menteri Chou En-Lai, mereka menegaskan bahawa soal pengganas-pengganas baik MCP ataupun Komunis Sarawak/Kalimantan Utara adalah soal kita sendiri dan terserah pada tangan kita untuk menyelesaikannya. RRC tidak campur tangan hal dalam negeri kita dan ini adalah ditegaskan dalam Peking Communique. Jadi nyata-lah apa yang dikatakan perjuangan mereka itu sia-sia belaka. Jadi janganlah rakyat terutama belia-belia terpedaya dengan tipu helah penjahat-penjahat itu.

Berkenaan dengan soal kerakyatan, adalah jelas daripada kommunike Peking itu sesiapa jua dari keturunan Cina yang

memilih kerakyatan Malaysia, maka dengan sendirinya hubungan mereka dengan negeri Cina atau tanah nenek moyang terputus sama sekali. Bagi mereka yang tinggal menetap di sini tetapi ingin mengekalkan atau mengambil kerakyatan China, mereka hendaklah patuh pada undang-undang negeri ini dan menghormati adat kebiasaan rakyat Malaysia.

Kebaikan yang didapati pada segi politik dan ekonomi sangatlah besar faedahnya kepada kita. Terutama tentang hasrat menjadikan rantau Asia Tenggara ini kawasan aman, bebas dan berkecuali menurut Deklarasi Kuala Lumpur 1971. Begitu juga saya percaya hubungan perdagangan yang lebih pesat antara kita dengan RRC yang akan menguntungkan kedua negara. Kita di Malaysia ada mengeluarkan banyak bahan-bahan mentah—getah, kelapa sawit, kayu-kayan dan sebagainya yang dikehendaki oleh RRC yang mempunyai penduduk 800 juta.

Begitu juga kita telah banyak mendapat bantuan beras daripada RRC dan mereka sanggup menjualkan kita beras lagi kalau kita kehendaki.

Satu lagi cabaran yang kita hadapi pada masa ini ialah Pilihanraya Umum. Seperti saya katakan pada Perhimpunan Agung UMNO dulu, masanya akan tiba tidak lama lagi. Meskipun saya belum dapat ilham bilakah hari atau bulan yang baik itu, perkara yang amat penting dan mustahak bagi kita semua ialah mengemas-kan organisasi Parti dan menyediakan jentera pilihanraya Parti marakala tiba masanya kelak. Kali ini kita akan bertanding di bawah panji-panji Barisan Nasional. Tiga hari yang lalu, di Seremban, saya telah memperkenalkan simbol baru Barisan Nasional iaitu Dacing yang menggantikan simbol Kapal Layar yang digunakan oleh Perikatan di masa lalu dan simbol-simbol lain yang dipakai oleh parti-parti yang pada masa ini bergabung di dalam Barisan Nasional. Saya percaya simbol baru ini, yang diterima baik oleh semua pemimpin Parti dalam Barisan Nasional akan diterima dan disokong oleh semua rakyat di Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

Pada hemat saya lambang atau simbol "Neraca" ini ialah yang paling sesuai dan bermakna dengan kerana ianya mencerminkan hasrat dan keazaman Kerajaan yang didukung oleh Barisan Nasional mewujudkan masyarakat adil di negara ini. Dalam hal ini suka saya mengingatkan saudara-saudara bahawa kita semua

bersama-sama menjunjung cita-cita dan saya yakin dengan kebulatan tekad serta keteguhan azam, cita-cita suci ini akan tercapai semasa hayat kita.

Oleh yang demikian, sangatlah penting dan mustahak saudara-saudara dalam Parti Bumiputra mengukuhkan perpaduan antara ahli-ahli Parti dan bersama-sama mengembelinkan tenaga dengan rakan-rakan dari Parti lawan. Saya penuh yakin rakyat akan memilih pihak yang benar-benar memperjuangkan hasrat dan cita-cita mereka dan akan memberi sokongan mereka sebulatnya kepada Barisan Nasional. Di Sarawak tidak ada parti lain selain daripada Parti Pesaka Bumiputra bersama-sama dengan SUPP yang benar-benar menjaga kepentingan rakyat untuk membawa zaman baru untuk kebahagiaan dan kemakmuran kepada semua.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada seluruh ahli Parti Pesaka Bumiputra kerana memberi penghormatan yang tinggi kepada saya hari ini. Mudah-mudahan Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang akan sentiasa memberkati usaha-usaha kita serta melindungi kita dari bahaya dan bencana. Dengan ini, saya sukacita merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputra ini dengan harapan persidangan ini mendapat kejayaan yang penuh dan Parti Pesaka Bumiputra terus subur dan maju sebagai teras perjuangan rakyat Sarawak.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein dialu-alukan oleh Ahli-ahli Majlis Persatuan Syarikat Pinjaman Malaysia Berhad semasa menghadiri Majlis Makan Malam di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 16hb Julai, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)